

Elaun khas, pingat hargai anggota SAR

PM umum pemberian, bangga pasukan Malaysia beri khidmat cemerlang

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan elaun khas dan pingat khidmat khusus kepada anggota pasukan mencari dan menyelamatkan (SAR) Malaysia yang bertugas menyelamatkan mangsa gempa bumi di Turkiye.

Ketika menyampaikan penerangan di Dewan Rakyat, semalam, Perdana Menteri berkata, ia tanda penghargaan kerajaan kepada petugas negara yang turut mendapat pujian daripada kerajaan Turkiye.

Perdana Menteri berkata, beliau akan berbincang dengan Perbendaharaan mengenai jumlah elaun yang akan ditetapkan bagi setiap petugas mengikut khidmat mereka di sana.

"Saya cadangkan kita aturkan elaun khas bagi setiap yang berkhidmat, berdasarkan hari mereka bertugas. Ada yang cecah dua minggu.

"Sebenarnya, Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) ini, tempoh khidmatnya adalah dua minggu, tapi dalam perbincangan (perbincangan) saya bersama Presiden (Turkiye), Recep Tayyip Erdogan, beliau mohon kalau boleh diteruskan kerana terlalu ba-

nyak mayat yang masih tertimbus memerlukan usaha kita dan saya beri persetujuan untuk mereka meneruskan.

"Andai kata ada beberapa orang yang mempunyai masalah kesihatan, mereka diizinkan pulang segera," katanya.

Perdana Menteri mengadakan lawatan sehari ke Turkiye, bermula Selasa dan tiba di tanah air, pagi semalam.

Beliau bertemu Erdogan di Ankara bagi menyampaikan ucapan takziah rakyat Malaysia dan memaklumkan berkenaan bentuk bantuan yang diusahakan kerajaan Malaysia.

Beliau turut menyantuni pasukan SAR Malaysia yang bertugas membantu mangsa gempa bumi di Nurdagi, Turkiye yang terdiri daripada SMART, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia serta Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Dalam penerangannya, Perdana Menteri sekali lagi menyatakan rasa bangga terhadap pasukan SAR dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Turkiye, termasuk Mercy Malaysia dan Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) atas tugas disifatkan luar biasa.

"Dalam beberapa jam bercakap

dengan mereka, tiada seorang pun yang mengeluh keletihan, masalah makan minum.

"Semua katakan mereka bersyukur kepada Allah kerana dapat berkhidmat dengan baik, sempurnakan solat berjemaah dan makan minum yang disediakan, yang kebanyakannya makanan segera daripada tin.

"Saya ingin menggunakan majlis Parlimen ini untuk menyatakan bahawa kita sangat beruntung dan terhutang budi kerana apabila menemui Datuk Bandar dan Gabernonya, sehingga penasihat utama Presiden dan Presiden sendiri, semuanya menyatakan pasukan Malaysia itu antara terawal, memberi khidmat sangat cemerlang, menyelamatkan lima nyawa yang tertimbus dalam kedalaman dua meter, dengan peralatan sangat canggih dibawa dari Malaysia dan membawa keluar ratusan jenazah.

"Pasukan Malaysia yang berada di *ground zero* itu mencecah hampir 200 orang, tidak termasuk dengan rombongan tambahan yang dihantar ke Syria.

"Bagi Ops Syria, kerajaan akan menghantar pasukan peninjau diketuai Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar dan delegasi seramai 21 orang, terdiri daripada pelbagai agensi dan

'MALAYSIA MADANI' dalam surat kerajaan

Putrajaya: Frasa 'Malaysia Madani' kini digunakan dalam urusan penyediaan surat kerajaan.

Perkara berkenaan dimaklumkan Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan), Datuk Dr Zulkapli Mohamed dalam satu surat edaran bertarikh kelmarin.

Surat itu untuk perhatian semua ketua setiausaha kementerian, ketua jabatan persekutuan, setiausaha kerajaan negeri, ketua pengurusan pihak berkuasa berkanun Persekutuan, ketua pe-

ngurusan pihak berkuasa berkanun negeri dan ketua pengurusan pihak berkuasa tempatan.

Frasa baharu 'MALAYSIA MADANI' itu ditambah sebelum frasa 'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA' dalam semua surat rasmi kerajaan bagi menyebarkan agenda Malaysia Madani dan hala tuju baharu Kerajaan Perpaduan, katanya.

"Arahan ini berkuat kuasa serta-merta," katanya. **BERNAMA**



Anwar memberi penerangan berhubung lawatan kerja ke Turkiye di Dewan Rakyat, semalam. (Foto BERNAMA)

NGO, menaiki pesawat khas ATM dan mereka akan berikan panduan untuk kita menyegerakan bantuan berikutnya," katanya.

Erdogan rakam penghargaan

Selain itu, Perdana Menteri merakamkan penghargaan khusus kepada Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah atas ucapan takziah baginda ketika merasmikan pembukaan Penggal Kedua Parlimen Ke-15 Isnin lalu serta semua ahli Parlimen.

Menjawab pihak yang bertanya mengenai tindakan awal Malaysia membantu Turkiye, dengan

ada yang menyifatkan ia sebagai berlebihan, Perdana Menteri menjelaskan, kadar kerosakan di negara itu berskala besar dan jarang berlaku serta persahabatan istimewa yang bukan saja secara peribadi, tetapi juga antara kedua-dua negara.

Terdahulu di Turkiye, Anwar sempat mengadakan pertemuan dengan Erdogan di Ankara sesudah meninjau lokasi runtuhannya gempa bumi di Gaziantep, bandar selatan negara itu yang terjejas teruk.

Perdana Menteri berkata, pertemuan itu bagi menzahirkan solidariti Malaysia sebagai negara sahabat ketika mereka berdepan saat getir dan sukar.

Katanya, pertemuan itu juga komitmen yang tidak berbelah bahagi Malaysia terutama dalam membantu warga Turkiye yang terkesan malapetaka gempa.

"Saya turut menyampaikan ucapan takziah dari rakyat Malaysia serta memaklumkan mengenai bentuk bantuan yang telah diusahakan oleh pihak Kerajaan Malaysia.

"Bersama kita mendoakan agar peristiwa duka ini cepat berlalu dan Turkiye kembali pulih," katanya.